KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **25 SEPTEMBER 2024**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: RABU
TARIKH: 25/9/2024
M/SURAT: 1

# GISB Holdings berdepan pembatalan syarikat

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang menyemak semua pendaftaran syarikat induk dan anak syarikat GISB Holdings (GISBH), termasuk pematuhan terhadap penghantaran laporan tahunan dan penyata kewangan. Syarikat terbabit berdepan pembatalan sekiranya melanggar kepentingan awam dan peraturan semasa di bawah Akta Syarikat 1965.

*Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri*

→ *Nasional* 4, 5




Polis Kelantan temui pelbagai buku berkaitan Aurad Muhammadiah dan Al-Arqam dalam serbuan rumah amal dan sekolah di Pasir Puteh.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Pendaftaran GISBH batal jika langgar peraturan

## Semakan dibuat termasuk aspek pematuhan penghantaran laporan tahunan

Oleh Mohammad Zulsyamini Suflan Suri
bhnews@bh.com.my

**Ipoh:** Pendaftaran GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) dan anak syarikatnya boleh dibatalkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sekiranya terbukti ada aktiviti yang melanggar kepentingan awam dan peraturan semasa.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali, berkata siasatan ke atas GISBH sedang dijalankan kementerian itu mengikut Akta Syarikat 1965 dengan menyemak semua pendaftaran syarikat bernaung di bawah GISBH serta anak syarikatnya.

Beliau berkata, semakan dibuat termasuk aspek pematuhan GISBH kepada penghantaran laporan tahunan, penyata kewangan dan segala aktiviti yang berkaitan.

"KPDN menerusi SSM sentiasa bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa lain terutama Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Pada peringkat ini, siasatan utama dilakukan PDRM dan kita melihat aspek pematuhan kepada undang-undang di bawah syarikat... kita bekerjasama rapat dengan PDRM untuk melengkapkan siasatan, membantu dalam apa-apa perkara terkait akta di bawah bidang kuasa SSM," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas majlis perasmian Menara SSM Perak yang disempurnakan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dekat Jalan Basco, Kepayang dekat Sungai Senam di sini semalam.

**Beku 153 akaun**

Kelmarin, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain mengesahkan setakat ini 153 akaun berkaitan GISBH telah dibekukan membabitkan wang berjumlah RM892,795 dan 38 kenderaan pelbagai jenis dianggarkan bernilai RM3.94 juta serta 14 lot hartanah yang nilainya masih dalam siasatan turut disita hasil Op Global.

Tindakan pembekuan dilakukan di bawah Seksyen 44(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) dan penyitaan di bawah Seksyen 45(2) akta sama.

Sabtu lalu, Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh dilapor berkata, SSM sudah memulakan semakan terhadap pematuhan perniagaan GISBH, di mana Bahagian Pematuhan SSM sudah melaksanakan semakan dan akan membuka kertas siasatan.

Dalam pada itu, Armizan mengakui ada cubaan pihak GISBH untuk melindungi premis mereka daripada siasatan pihak berkuasa.

Antara tindakan diambil, katanya termasuk menanggal serta menukar papan tanda premis menjadi nama syarikat lain seperti yang berlaku di Ipoh serta di Kota Bharu, Kelantan.

Katanya, dalam hal itu pemantauan dilakukan dari semasa ke semasa bersama semua agensi berkaitan, khususnya PDRM yang mengetuai siasatan dalam isu GISBH.

"Ini adalah satu kes besar, jadi siasatan diketuai oleh PDRM dan perkara itu (menukar dan menurunkan papan tanda premis) juga akan mendapat (kerjasama) daripada semua agensi berkaitan termasuk SSM. (Namun) saya tidak boleh hebahkan secara terbuka.

"Ada perkara yang memang daripada segi aspek termasuklah yang disebutkan bagaimana memang ada cubaan untuk mereka melindungi bila siasatan dibuat dan perkara terbabit dalam perhatian kita," katanya.

Selain itu, beliau berkata, KPDN juga menjalin kerjasama dengan Kementerian Komunikasi menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) untuk memantau produk perniagaan GISBH yang dipasarkan melalui platform media sosial dan medium lain.

Beliau berkata sekiranya terdapat ketidakpatuhan, kementerian itu akan membuat laporan rasmi kepada MCMC supaya tindakan sewajarnya boleh diambil.



*Siasatan ke atas GISBH sedang dijalankan mengikut Akta Syarikat 1965 dengan menyemak semua pendaftaran syarikat bernaung di bawah GISBH.*


*Penguatkuasa Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan Majlis Bandaraya Seremban (MBS) menyita beberapa barangan perniagaan restoran makanan yang didakwa mempunyai kaitan dengan syarikat GISBH di Seremban 2, semalam.* (Foto BERNAMA)

Kosmo!
SUARA KONTEMPORARI

HARI: RABU
TARIKH: 25/9/2024
M/SURAT: 4

KPDN selaras dengan PDRM, MCMC kenal pasti kesalahan dan bentuk tindakan

# Pendaftaran GISBH boleh dibatal

Oleh FADZIL ZAINOL

IPOH – Pendaftaran syarikat GISB Holdings (GISBH) boleh dibatalkan sekiranya disabitkan kesalahan atas aktiviti-aktiviti yang melanggar kepentingan awam dan peraturan-peraturan semasa.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, kementeriannya menerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan bahagian penguatkuasaan akan bekerjasama dengan pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) selain Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bagi membantu siasatan terhadap GISBH.

"Kementerian juga memberi perhatian terhadap dakwaan tentang usaha dan cubaan yang dibuat untuk melindungi atau menghilangkan identiti GISBH seperti pertukaran papan nama premis serta perniagaan.

"Kita melihat pertama dengan PDRM, kedua dengan MCMC untuk kita menyelaraskan apakah bentuk kesalahan yang dilakukan dan apakah bentuk tindakan dan punca perundangan mana untuk kita mengambil tindakan yang segera," katanya selepas Majlis Perasmian Menara SSM Perak di sini semalam.

Majlis tersebut disempurnakan oleh Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Siasatan terhadap GISBH dibuat secara menyeluruh oleh pelbagai agensi penguatkuasaan susulan beberapa pendedahan yang menggemparkan masyarakat terutama melibatkan rumah kebajikan.

Dalam pada itu, Armizan berkata, siasatan GISBH di peringkat kementeriannya adalah terkait dengan akta-akta di bawah kawal selia SSM.

"Kita sedang menyemak semua pendaftaran syarikat-syarikat induk dan anak-anak syarikat termasuklah pematuhan mereka kepada penghantaran laporan tahunan, penyata kewangan dan sebagainya," katanya.




PIHAK berkuasa menyerbu kawasan pusat perniagaan yang sebahagian besarnya dimiliki oleh rangkaian GISBH di Bandar Country Homes, Rawang pada Sabtu lalu.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI
HARI: RABU
TARIKH: 25/9/2024
M/SURAT: 16

# Minyak masak peket sentiasa ada bekalan di Pulau Pinang



ANGGOTA penguatkuasa KPDN Pulau Pinang membuat pemantauan bekalan minyak masak peket di George Town baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Pulau Pinang memberi jaminan bekalan minyak masak peket adalah mencukupi di negeri ini.

Pengarahnya, S.Jegan berkata, pihaknya telah menggerakkan seramai 134 orang pegawai penguat kuasa di seluruh Pulau Pinang bagi memantau serta menangani isu kekurangan bekalan tersebut.

Selain itu, katanya, KPDN Pulau Pinang turut menjalankan pemeriksaan berkala iaitu secara harian dan mingguan di peringkat pengilang, pembungkus, pemborong dan juga peruncit bagi memantau keberadaan minyak masak peket di pasaran.

"Pengedaran minyak masak peket yang telah dibuat di seluruh Pulau Pinang dari 1 hingga 20 September lalu adalah sebanyak 2,060,000 peket.

"Hasil daripada pemantauan berkala yang dilaksanakan juga mendapati bekalan minyak masak peket cukup, namun tidak dinafikan berlaku kekurangan bekalan disebabkan permintaan yang tinggi daripada pengguna dan juga pusingan jadual penghantaran daripada pihak pembekal," katanya di sini semalam.

Jegan berkata, berdasarkan kepada hasil pemeriksaan yang dijalankan dan maklumbalas daripada peniaga mendapati tiada isu kekurangan bekalan terhadap minyak masak peket kerana peniaga menerima bekalan dari pembekal seperti mana tempahan.

"Bekalan minyak masak peket bersubsidi ini juga boleh diperoleh di setiap lokasi Program Jualan Rahmah Madani yang dilaksanakan secara berjadual di kesemua Parlimen dan DUN di Pulau Pinang," katanya.

Kata Jegan, KPDN memberikan amaran keras kepada semua peniaga agar tidak mengenakan pembelian bersyarat kepada pelanggan yang ingin membeli minyak masak peket.

Harian Metro

HARI: RABU

TARIKH: 25/9/2024

M/SURAT: 4

JIKA TERBUKTI LANGGAR KEPENTINGAN AWAM

# Lesen GISBH boleh dibatal

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

**Ipoh**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) boleh membatalkan pendaftaran syarikat Global Ikhwan Service and Business Holdings (GISBH) jika terbukti serta disabitkan kesalahan atas aktiviti yang melanggar kepentingan awam dan peraturan semasa.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata siasatan di peringkat KPDN, terkait dengan kawal selia SSM di bawah Akta Syarikat 1965.

Katanya, ketika ini pihaknya masih menyemak semua pendaftaran syarikat induk yang bernaung di bawah GISB serta anak syarikatnya.

"Ia termasuk pematuhan terhadap penghantaran laporan tahunan, penyataan kewangan dan sebagainya.

"Pada peringkat ini siasatan utama itu dilakukan oleh PDRM dan kita melihat daripada aspek pematuhan kepada undang-undang di bawah syarikat.



ARMIZAN

"Kita bekerjasama rapat dengan PDRM untuk melengkapkan siasatan serta membantu PDRM dalam apa-apa yang terkait dengan akta di bawah bidang kuasa SSM," katanya ketika ditemui media selepas perasmian Menara SSM Perak di sini, semalam.

Perasmian disempurnakan oleh Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

Sabtu lalu, Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh dilapor berkata SSM sudah memulakan semakan terhadap pematuhan perniagaan GISBH, yang mana Bahagian Pematuhan SSM sudah melaksanakan semakan dan akan membuka kertas siasatan.

Armizan berkata, pihaknya mengakui ada cubaan daripada GISBH untuk melindungi premis mereka daripada siasatan pihak berkuasa.

Katanya, ia termasuk menanggalkan dan menukar papan tanda premis kendalian GISBH menjadi nama syarikat lain seperti yang berlaku Ipoh serta di Kota Bharu, Kelantan.

Katanya, dalam hal itu pemantauan dilakukan dari semasa ke semasa bersama semua agensi terkait khususnya PDRM yang mengetuai siasatan dalam isu GISBH.

"Ini adalah kes besar, jadi siasatan diketuai oleh PDRM dan perkara itu (menukar dan menurunkan papan tanda premis) juga akan mendapat (kerjasama) daripada semua agensi berkaitan termasuk SSM. (Namun) saya tidak boleh hebahkan secara terbuka.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: RABU
TARIKH: 25/9/2024
M/SURAT: 20

# Bekalan minyak masak bersubsidi cukup: KPDN

**George Town:** Tidak berlaku kekurangan minyak masak subsidi peket 1 kilogram di negeri ini.

Perkara itu disahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang, sekali gus menafikan isu dibangkitkan pengguna dan media.

KPDN Pulau Pinang memberi jaminan bekalan minyak masak polibeg 1 kg bersubsidi di negeri itu mencukupi berdasarkan pemantauan dijalankan.

Pengarahnya S Jegan berkata, pihaknya menjalankan pemeriksaan berkala secara harian dan mingguan di peringkat pengilang, pembungkus, pemborong dan juga peruncit bagi memantau keberadaan minyak masak polibeg itu di pasaran.

Beliau berkata, berdasarkan pemeriksaan, pengedaran minyak masak polibeg bersubsidi dari 1 hingga 20 September lalu adalah berjumlah 2,060,000 peket.

"KPDN negeri memandang serius isu kekurangan bekalan minyak masak polibeg di pasaran sepertimana dibangkitkan pengguna dan media. Kami menggerakkan 134 pegawai penguat kuasa seluruh Pulau Pinang bagi memantau serta menangani isu kekurangan bekalan itu.

"Bermula 1 Januari lalu sebanyak 37,705 pemeriksaan dilaksanakan pegawai penguat kuasa di seluruh negeri dan mendapati bekalan minyak masak polibeg mencukupi namun tidak dinafikan berlaku kekurangan bekalan disebabkan permintaan tinggi serta pusingan jadual penghantaran daripada pihak pembekal," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI: RABU
TARIKH: 25/9/2024
M/SURAT: 8

# Pendaftaran syarikat terlibat GISBH boleh dibatalkan



ARMIZAN

**IPOH** - Pendaftaran perniagaan syarikat berkaitan GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) akan dibatalkan jika dikesan melanggar peraturan ditetapkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pembatalan tersebut boleh dibuat sekiranya syarikat disabitkan kesalahan atas aktiviti yang melanggar kepentingan awam dan peraturan-peraturan semasa.

Menurutnya, KPDN menerusi SSM akan bekerjasama dengan pihak berkuasa seperti polis bagi membantu siasatan yang sedang dibuat terhadap GISBH.

"Siasatan berhubung GISBH di peringkat KPDN adalah terkait dengan akta di bawah kawal selia SSM iaitu Akta SSM dan kita sedang menyemak semua pendaftaran syarikat induk dan anak-anak syarikat termasuklah pematuhan mereka terhadap penghantaran laporan tahunan, kewangan dan sebagainya.

"Kita bekerjasama rapat dengan PDRM untuk melengkapkan siasatan, membantu PDRM apa-apa perkara yang terkait dengan akta di bawah bidang kuasa SSM," katanya kepada pemberita selepas ditemui sempena Majlis Perasmian Menara SSM Perak di sini pada Selasa.

Dalam perkembangan sama, Armizan berkata, pihaknya juga sedang bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berkaitan promosi produk-produk syarikat GISBH.

Jelasnya, perkara tersebut akan dikendalikan bahagian penguat kuasa KPDN.

"Sebenarnya kita sedang bekerjasama dengan SKMM berkenaan dengan promosi dalam talian dan juga promosi lain, bukan hanya di bawah Akta SSM tetapi juga terkait dengan bidang kuasa bahagian penguat kuasa KPDN.

"Kita akan ambil tindakan segera khususnya yang berkaitan dengan promosi semasa yang ada. Kita akan ambil dalam masa terdekat apa keputusan bersama yang kita buat," ujarnya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Utusan Borneo online

HARI: RABU
TARIKH: 25/9/2024
M/SURAT: 2

# SSM semak pendaftaran syarikat induk, anak syarikat GISBH

IPOH: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang menyemak semua pendaftaran syarikat induk dan anak-anak syarikat GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH).

Menteri KPDN Datuk Armizan Mohd Ali berkata semakan sedang dilakukan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), termasuk pematuhan terhadap penghantaran laporan tahunan dan penyata kewangan serta segala yang berkaitan.

Beliau berkata syarikat terbabit berdepan pembatalan sekiranya melanggar kepentingan awam dan peraturan semasa.

"Di peringkat KPDN kita melihat di bawah akta kawal selia SSM, kita juga bekerjasama rapat dengan PDRM (Polis Diraja Malaysia) bagi membantu melengkapkan siasatan terhadap GISBH," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perasmian Menara SSM Perak di sini semalam.

Terdahulu Sultan Perak Sultan Nazrin Shah berkenan berangkat menyempurnakan perasmian menara berkenaan.

Armizan berkata KPDN juga bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) memantau promosi produk berkaitan GISBH secara dalam talian atau medium lain.

Beliau berkata sekiranya terdapat ketidakpatuhan, kementerian itu akan membuat laporan rasmi kepada MCMC supaya tindakan sewajarnya boleh diambil.

Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil sebelum ini berkata setakat ini MCMC tidak menerima sebarang aduan berhubung produk perniagaan GISBH, yang dipasarkan di platform media sosial.

Beliau berkata isu berkaitan pengawasan perniagaan dan produk tersebut berada di bawah tanggungjawab KPDN. — Bernama

Utusan Borneo online

HARI: RABU

TARIKH: 25/9/2024

M/SURAT: 10

# SSM semak pendaftaran syarikat induk, anak syarikat GISBH



IPOH: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang menyemak semua pendaftaran syarikat induk dan anak-anak syarikat GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH).

Menteri KPDN Datuk Armizan Mohd Ali berkata semakan sedang dilakukan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), termasuk pematuhan terhadap penghantaran laporan tahunan dan penyata kewangan serta segala yang berkaitan.

Beliau berkata syarikat terbabit berdepan pembatalan sekiranya melanggar kepentingan awam dan peraturan semasa.

"Di peringkat KPDN kita melihat di bawah akta kawal selia SSM, kita juga bekerjasama rapat dengan PDRM (Polis Diraja Malaysia) bagi membantu melengkapkan siasatan terhadap GISBH," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perasmian Menara SSM Perak di sini semalam.

Terdahulu Sultan Perak Sultan Nazrin Shah berkenan berangkat menyempurnakan perasmian menara berkenaan.

Armizan berkata KPDN juga bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) memantau promosi produk berkaitan GISBH secara dalam talian atau medium lain.

Beliau berkata sekiranya terdapat ketidakpatuhan, kementerian itu akan membuat laporan rasmi kepada MCMC supaya tindakan sewajarnya boleh diambil.

Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil sebelum ini berkata setakat ini MCMC tidak menerima sebarang aduan berhubung produk perniagaan GISBH, yang dipasarkan di platform media sosial. — Bernama

星洲日報
SIN CHEW DAILY
HARI: RABU
TARIKH: 25/9/2024
M/SURAT: 4



阿米占（左）指若调查结果显示GISB和子公司违反SSM法令，可被撤销公司注册。（刘剑英摄）

# 阿米占：查GISB和其子公司
# “若違SSM法令或撤註冊”

（怡保24日讯）国内贸易及生活费部长拿督阿米占表示，该部通过马来西亚公司委员会（SSM）正对全球兄弟控股（GISB）和其子公司展开调查，若涉及违反公共利益和条例，该公司的注册可被撤销。

他今日出席霹雳州公司委员会大厦开幕礼后在记者会上指出，该部门正在马来西亚公司委员会法令下调查全球兄弟控股母公司和其他子公司的公司注册，包括是否遵守公司年度报告和财务报告的条例。

“国内贸易及生活费部与警方紧密配合进行调查，尤其是任何有关系到国内贸易及生活费部权限的事项。”

## 与通讯部配合 查GISB网络营销活动

另外，阿米占表示，该部也与通讯及多媒体部配合，调查有关全球兄弟控股在网络平台上营销的活动，一旦调查报告出炉，该部将会采取应当的行动。

受询及是否有收到针对全球兄弟控股的网络营销投报时，他指出，目前并没有收到任何该公司网络营销违反条规的投报。

“此案备受关注，我们将与警方和通讯及多媒体部配合，协调断定他们（GISB）犯了什么错误，然后可被施以什么应当的行动。”

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

மக்கள் ஓசை

HARI: RABU
TARIKH: 25/9/2024
M/SURAT: 1



கோலாலம்பூர், செப். 25- குளோபல் இக்வான் செர்வீசஸ் அண்ட் பிசினஸ் ஹோல்டிங்ஸ் நிறுவனம் பொதுநல விதிமுறைகள் உட்பட நாட்டின் சட்டவிதிகளை மீறியிருந்தால் அதன் உரிமத்தை உள்நாட்டு வாணிப, வாழ்க்கை செலவினத்துறை அமைச்சால் ரத்து செய்ய முடியும் என அதன் அமைச்சர் டத்தோஸ்ரீ அர்மிஸான் முகமட் அலி கூறினார்.

காரணம் இந்நிறுவனம் 1965ஆம் ஆண்டு நிறுவனச் சட்டத்தின் கீழ் கட்டுப்படுத்தப் பட்டுள்ளதாகவும் அவர் தெரிவித்தார். இப்போது அந்நிறுவனம் உட்பட அதன் கீழுள்ள அனைத்துத் துணை நிறுவனங்களின் பதிவையும் தமது அமைச்சு ஆழமாக விசாரணை செய்து வருவதாகவும் அவர் கூறினார்.

இதில் அந்நிறுவனத்தின் ஆண்டறிக்கை,

பக்கம் 13

# ஜிஜஎஸ்பிஎச் ரத்தாகலாம்?

## முதல் பக்கத் தொடர்ச்சி

### ஜிஜஎஸ்பிஎச் ரத்தாகலாம்?

கணக்கறிக்கை ஆகியவை முறையாக அனுப்பப்பட்டுள்ளனவா என்பதும் உள்ளடங்கும் என அவர் கூறினார். இவ்விவகாரத்தில் தமது அமைச்சு எஸ்எஸ்எம் எனப்படும் நிறுவன ஆணையம், போலீஸ் ஆகியவற்றுடன் அணுக்கமாக ஒத்துழைத்து வருவதாக நேற்று ஈப்போவில் அவர் செய்தியாளர்களிடம் தெரிவித்தார்.

தற்போது அந்நிறுவனத்தின் மீது போலீஸ் விசாரணை மேற்கொண்டு வருகிறது. அதன் விசாரணைக்கு உதவும் வகையில் தமது அமைச்சும் நிறுவன ஆணையமும் போலீசாருக்குத் தொடர்ந்து ஒத்துழைப்பு கொடுக்கும் என அவர் தெரிவித்தார்.

ஜிஜஎஸ்பிஎச் நிறுவனத்திற்கு எதிராக உள்நாட்டு வாணிப, வாழ்க்கை செலவினத்துறை அமைச்சு விசாரணையை மேற்கொண்டு வருவதாக அதன் துணை அமைச்சர் ஃபுஸியா சாலே கடந்த சனிக்கிழமை கூறியிருந்தார்.

அந்நிறுவனத்தின் வர்த்தகம் குறித்து எஸ்எஸ்எம் எனப்படும் நிறுவன ஆணையம் அந்நிறுவனத்திற்கு எதிராக விசாரணை அறிக்கையைத் திறந்துள்ளதாக அவர் கூறினார்.

போலீஸ் விசாரணையைத் தடுக்கும் வகையில் அந்நிறுவனம் தங்கள் கடைகளில் அறிவிப்புப் பலகைகளை அகற்றுவது உட்பட அதிலிருந்து தப்பிப்பதற்குப் பல்வேறு நடவடிக்கைகளில் இறங்கியுள்ளதாகவும் அர்மிஸான் கூறினார்.

அண்மையில் ஈப்போ, கோத்தாபாரு, கிளாந்தான் ஆகிய இடங்களில் உள்ள அந்நிறுவனத்தின் கடைகளின் அறிவிப்புப் பலகைகள் அகற்றப்பட்டதை அவர் சுட்டிக்காட்டினார்.

இதனிடையே அந்நிறுவனம் சமூக ஊடகங்களின் வழி விற்பனை செய்யப்படும் பொருட்கள் குறித்து மலேசியத் தொடர்பு, பல்லூடக ஆணையம் விசாரணை செய்து வருவதாகவும் அவர் கூறினார்.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BH BeritaHarian

HARI: RABU
TARIKH: 25/9/2024
M/SURAT: 6

# Sultan Nazrin rasmi Menara SSM Perak

**Ipoh:** Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah merasmikan Menara Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Perak di Kepayang di sini, semalam.

Berangkat sama, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim, dan Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa.

Yang turut hadir Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Armizan Mohd Ali; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad dan Pengerusi SSM, Ahmad Sabki Yusof.

SSM menawarkan perkhidmatan di tingkat bawah menara 10 tingkat dan menyewakan tingkat lain.

Setakat ini terdapat dua jabatan yang turut beroperasi iaitu Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Perak.

Armizan berkata, SSM mengambil pendekatan proaktif dengan memiliki bangunan sendiri di pelbagai tempat strategik, membuktikan usaha meningkatkan pelaksanaan fungsinya.

"Dengan pendekatan proaktif, SSM kini memiliki bangunan sendiri di Menara SSM@Sentral, di Melaka, Miri, Sarawak dan kini di Perak," katanya.

Katanya, SSM adalah badan berkanun hasil penggabungan Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC) dengan Pejabat Pendaftar Perniagaan (ROB) pada 22 tahun lalu, menjadikan SSM mula beroperasi pada 2002.



*Sultan Nazrin menandatangani plak perasmian ketika merasmikan Menara Suruhanjaya Syarikat Malaysia Perak di Kepayang, semalam. Turut hadir, Armizan (kanan) dan Saarani (kiri).* (Foto L. Manimaran/BH)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: RABU

TARIKH: 25/9/2024

M/SURAT: 4

# Sultan Nazrin berkenan rasmi Menara SSM Perak



**SULTAN NAZRIN (depan) berkenan merasmikan Menara SSM Perak di Ipoh semalam.** – MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA

**IPOH** – Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan merasmikan Menara Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Perak di Jalan Rasco Kepayang, di sini yang terletak berdekatan dengan Stadium Perak.

Keberangkatan baginda ke majlis itu diiringi Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim dan berangkat sama, Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa.

Turut hadir ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad; dan Pengerusi SSM, Ahmad Sabki Yusof.

Armizan sewaktu menyampaikan sembah ucapan berkata, Perak dan SSM mempunyai sejarah tersendiri kerana syarikat pertama yang telah didaftarkan oleh Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC) atau kini SSM, dilakukan di negeri ini.

Jelasnya, sijil pemerbadanan syarikat pertama dalam negara telah dikeluarkan kepada Kuala Kangsar Plantations Company Limited pada 1898.

"Sejak itu, negeri Perak terus berkembang pesat sebagai antara lokasi utama untuk menjalankan perniagaan dan memainkan peranan penting dalam pembangunan sektor korporat negara," katanya dalam majlis yang disempurnakan Sultan Nazrin.

Pejabat Pendaftar Syarikat di Perak mula beroperasi pada 1992 di Bangunan Seri Kinta dan kemudian berpindah ke Kompleks Islam Darul Ridzuan dan dikenali sebagai Pejabat Pendaftar Perniagaan (ROB) sebelum berpindah ke beberapa premis lain.

Kata Armizan, Menara SSM Perak yang berkenan dirasmikan Sultan Nazrin tersebut merupakan bangunan milik sendiri suruhanjaya itu sekali gus tidak lagi perlu menyewa bangunan lain.

"SSM turut menjana pendapatan dengan menyewakan tingkat-tingkat lain di menara ini.

"Setakat ini, terdapat dua jabatan yang turut beroperasi di Menara SSM Perak, iaitu Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Perak," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
HARI: RABU
TARIKH: 25/9/2024
M/SURAT: 20



SULTAN Nazrin dan Tuanku Zara berkenan berangkat merasmikan Menara SSM Perak di Jalan Basco Kepayang, Ipoh.

# Sultan Perak berkenan rasmikan Menara SSM

**Ipoh:** Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan merasmikan Menara Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Perak di sini, semalam.

Berangkat sama pada majlis perasmian bangunan 10 tingkat berkeluasan 16,337.3 meter persegi itu, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim dan Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa.

Turut hadir Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Armizan Mohd Ali, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad; dan Pengerusi SSM, Ahmad Sabki Yusof.

Sementara itu, Armizan dalam sembah ucapannya berkata, SSM mengambil pendekatan proaktif dengan memiliki bangunan serta pejabat sendiri di pelbagai lokasi strategik termasuk di Perak, sekali gus membuktikan usaha berterusan SSM untuk meningkatkan pelaksanaan fungsi termasuk tekad untuk memperluaskan jangkauan perkhidmatan ke setiap pelosok negara.

"Buktinya, hari ini (semalam) pejabat dan cawangan SSM dibuka dan beroperasi di setiap negeri seluruh negara, dengan beberapa negeri mempunyai lebih satu cawangan.

"Dengan pendekatan proaktif, SSM kini memiliki bangunan sendiri di pelbagai lokasi strategik termasuk ibu pejabatnya di Kuala Lumpur iaitu Menara SSM@Sentral, serta di Melaka, Miri, Sarawak dan kini di Perak," katanya sambil menambah turut beroperasi di bangunan itu adalah Akauntan Negara dan Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta Negeri Perak (JPPH).

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

NEW STRAITS TIMES

HARI: RABU
TARIKH: 25/9/2024
M/SURAT: 3

MORAL VALUES

# 'Human integrity key to combating bid-rigging'

**KUALA LUMPUR:** Despite government efforts to bolster internal controls and adopt advanced technologies, combating bid-rigging ultimately hinges on human integrity.

"There's no point in importing the best internal control policies or the most expensive software tools from Harvard or Oxford if the handlers lack integrity," said Help University's Institute of Crime & Criminology director Datuk Seri Dr Akhbar Satar.

The Malaysian Integrity and Governance Society president said even a "simple software from a local university" would suffice if officials upheld strong moral values.

To tackle bid-rigging, he suggested training procurement officers and leveraging advanced data analysis tools to identify red flags such as "qualified bidders failing to participate" or "tenders submitted at excessively high prices without logical cost justification".

He added that top leaderships of companies must demonstrate strong moral principles and lead by example to ensure integrity in the procurement process.

On Monday, the Malaysia Competition Commission (MyCC) had said eliminating bid-rigging could save the government up to 15 per cent of its annual expenditure, which amounts to RM13.5 billion.

MyCC also highlighted that despite existing legislation such as anti-corruption laws and the Penal Code, bid-rigging cartels had found ways to bypass these regulations, dominating certain markets and making it difficult for new players to enter.

Business groups say MyCC's proposal to impose heavier penalties against bid-riggers will not only promote fair competition but also elevate the country's overall economic health.

Federation of Malaysian Manufacturers president Tan Sri Soh Thian Lai said MyCC's efforts to combat bid-rigging were crucial to enhance transparency and could subsequently lead to sustainable economic growth.

Such a move, he said, would continue to encourage companies to compete based on merit, rather than through illicit collusion, thereby improving the integrity of the procurement process.

"(The proposal) is a crucial step towards ensuring a level playing field for all businesses.

"The introduction of more stringent penalties, alongside reputational damage and the loss of trust, serves as an effective deterrent to unethical practices.

"These measures will also reduce the risk of disqualification from future government contracts, encouraging businesses to maintain higher standards of ethics and compliance.

"Ultimately, fostering a fair and transparent environment benefits the broader business community and strengthens the nation's economy by ensuring that public funds are spent efficiently and that government projects deliver value," he said.



*Datuk Seri Dr Akhbar Satar*

Soh said introducing an integrity pact before entering into government procurement contracts ensures businesses commit to ethical practices.

He said it would protect the reputation of businesses and build trust with government agencies, creating long-term opportunities for future bids.

"Transparent and competitive procurement practices can attract more investments, as investors are more confident in a business environment free from corruption and unfair practices."

FMM, he said, also concurred with MyCC and urged the government to expedite the implementation of the Government Procurement Act and ensure that its provisions apply not only at the federal level but also to states and government-linked companies.

Malaysian Employers Federation president Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman said rewarding informants and whistleblowers would encourage the public to report bid-rigging cases, ultimately helping to eliminate the practice.

"This initiative will motivate both the public and businesses to report illegal bid-rigging practices to the authorities." **By Mohamad Al As and Iylia Marsya Iskandar**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

theSun
TELLING IT AS IT IS

HARI: RABU
TARIKH: 25/9/2024
M/SURAT: 2




**REGAL EVENT ...** The Sultan of Perak Sultan Nazrin Shah and the Raja Permaisuri of Perak Tuanku Zara Salim meeting employees after opening Menara Suruhanjaya Syarikat Malaysia Perak in Jalan Basco Kepayang, Ipoh yesterday. – ***BERNAMAPIC***

# 'Parents shying away from claiming rescued children'

GISBH members reluctant to act to prevent exposure of ruse that charity home residents were not orphans, but their own offspring sent there to solicit donations for firm: IGP

**KUALA LUMPUR:** Nearly two weeks after police launched Ops Global, the parents of 572 children and teenagers rescued from charity homes linked to GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) have yet to come forward to claim them.

"The parents are believed to be avoiding this to prevent exposing their tactic of presenting the charity home as orphanages to solicit donations, when in fact, the children are the offspring of members of the organisation," Inspector-General of Police Tan Sri Razarudin Husain said at a media conference at the Kuala Lumpur Police Training Centre on Monday.

Razarudin said investigations revealed that the children at the homes were also instructed to claim they did not know their parents, who were members of the company.

"They won't admit that these are their children. Instead, they claim they are orphans because some of them have *bin* or *binti* Abdullah. This could be a ploy to collect donations, which might then be used for other purposes."

He added that the offence could be investigated under Section 420 of the Penal Code for cheating, as some of the members questioned also denied that the children were theirs.

He said police interrogations revealed that in some cases, children, especially those under 12, claimed they did not even know who their parents were.

Razarudin said some members had up to four wives and 34 children, many of whom were placed in the company's "charity" homes.

Citing the case of one member, he said: "Out of 34 children, only two lived with him. If you ask for the names of the other 32 children, he might not even know them."

Regarding phase four of Ops Global launched on Sept 21, Razarudin said 35 investigation papers have been opened, and 156 individuals, comprising 80 men and 76 women aged above 18 have been remanded until Sept 28.

Last Saturday, police discovered that GISBH members continued to practise the *Aurad Muhammadiyah*, a ritual associated with the *al-Arqam* group, which was banned in 1994.

Pamphlets and related books were found on GISBH premises and have been handed to the Islamic Development Department for further action.

Razarudin said the investigations into the organisation are being pursued under the Security Offences (Special Measures) Act 2012 and the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001.

As of Sept 21, 153 GISBH-related bank accounts have been frozen involving RM882,795, and 38 vehicles worth about RM3.94 million as well as 14 properties have been seized as part of Ops Global.

Currently, the rescued children have been placed at 11 safe houses under the Social Welfare Department.

The Education Ministry is also initiating an education programme for over 300 of the rescued children beginning Oct 1, Bernama reported.

Education Minister Fadhlina Sidek said the programme, using a special module, would involve a first phase lasting two months, with phase two to be implemented if required.

Meanwhile, Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar said the ruling on GISBH's doctrine would be announced after it receives the consent of the Conference of Rulers, which will meet in October.

Mohd Na'im said before the decision is made, the National Council for Islamic Religious Affairs, chaired by Datuk Dr Noor Gadot, along with all state muftis, would hold meetings to discuss the matter until Sept 26.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN & AGENSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 25 SEPTEMBER 2024 | | | |
|---|---|---|---|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 25-Sep | KPDN boleh batal pendaftaran GISBH jika terbukti langgar peraturan | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1302374/kpdn-boleh-batal-pendaftaran-gisbh-jika-terbukti-langgar-peraturan | BERITA HARIAN |
| 25-Sep | GISBH: Pendaftaran syarikat boleh dibatalkan jika langgar peraturan SSM | https://www.sinarharian.com.my/article/687322/berita/semasa/gisbh-pendaftaran-syarikat-boleh-dibatalkan- | SINAR HARIAN |
| 25-Sep | KPDN, SSM bekerjasama dengan PDRM, bantu siasatan GISBH | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-ssm-bekerjasama-dengan-pdrm-bantu-siasatan-gisbh | BERITA RTM |
| 25-Sep | SSM SEMAK PENDAFTARAN SYARIKAT INDUK, ANAK SYARIKAT GISBH - ARMIZAN | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2343793 | BERNAMA |
| 25-Sep | Pendaftaran GISHB boleh dibatalkan jika terbukti langgar peraturan - KPDN | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137207/pendaftaran-gishb-boleh-dibatalkan-jika-terbukti- | HARIAN METRO |
| 25-Sep | Pendaftaran syarikat GISBH boleh dibatalkan – Armizan | https://malaysiagazette.com/2024/09/24/pendaftaran-syarikat-gisbh-boleh-dibatalkan-armizan/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 25-Sep | Pendaftaran GISBH boleh dibatal jika terbukti langgar peraturan – KPDN | https://www.buletintv3.my/nasional/pendaftaran-gisbh-boleh-dibatal-jika-terbukti-langgar-peraturan-kpdn/ | BULETIN TV3 |
| 25-Sep | Sultan Nazrin berkenan rasmi Menara SSM Perak | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137141/sultan-nazrin-berkenan- | HARIAN METRO |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 25-Sep | Sultan Nazrin rasmi Menara SSM Perak | https://www.sinarharian.com.my/article/687300/edisi/perak/sultan-nazrin-rasmi-menara-ssm- | SINAR HARIAN |
| 25-Sep | SULTAN NAZRIN BERKENAN RASMI MENARA SSM PERAK | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2343756 | BERNAMA |
| 25-Sep | Portal dan Aplikasi Ihsan MADANI, inisiatif sara hidup di hujung jari | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1302228/portal-dan-aplikasi-ihsan-madani-inisiatif-sara-hidup- | BERITA HARIAN |
| 25-Sep | Minyak masak polibeg bersubsidi mencukupi di Pulau Pinang | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/minyak-masak-polibeg-bersubsidi-mencukupi-di-pulau-pinang- | ASTRO AWANI |
| 25-Sep | MINYAK MASAK POLIBEG BERSUBSIDI MENCUKUPI DI PULAU PINANG | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2343688 | BERNAMA |
| 25-Sep | Sufficient subsidised polybag cooking oil in Penang | https://thesun.my/local-news/sufficient-subsidised-polybag-cooking-oil-in-penang-DB13034241 | THE SUN |
| 25-Sep | Bekalan minyak masak polibeg mencukupi di Pulau Pinang | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/bekalan-minyak-masak-polibeg-mencukupi-di-pulau-pinang/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 25-Sep | Bekalan minyak masak polibeg mencukupi di Pulau Pinang | https://themalaytribune.com/bekalan-minyak-masak-polibeg-mencukupi-di-pulau | THE MALAY TRIBUNE |
| 25-Sep | KPDN Pulau Pinang nafi bekalan minyak masak bersubsidi kurang | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137128/kpdn-pulau-pinang-nafi-bekalan-minyak-masak- | HARIAN METRO |
| 25-Sep | Minyak masak bersubsidi di Pulau Pinang mencukupi | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/minyak-masak-bersubsidi-mencukupi-di-pulau-pinang | BERITA RTM |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 25-Sep | KPDN P.Pinang nafi kekurangan bekalan minyak masak bersubsidi | https://malaysiagazette.com/2024/09/24/kpdn-p-pinang-nafi-kekurangan-bekalan-minyak-masak-bersubsidi/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 25-Sep | Accused with deceiving MyIPO, Datuk told to enter defence | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/09/24/accused-with-deceiving-myipo-datuk-told-to-enter-defence | THE STAR |
| 25-Sep | Isu GISBH terus dapat perhatian, NGO tampil hulur bantuan kepada mangsa | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137370/isu-gisbh-terus-dapat-perhatian-ngo-tampil-hulur-bantuan-kepada-mangsa | HARIAN METRO |
| 25-Sep | ISU GISBH TERUS DAPAT PERHATIAN, BANYAK NGO TAMPIL HULUR BANTUAN KEPADA MANGSA | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2344004 | BERNAMA |
| 25-Sep | NGOs ready to assist GISBH victims as authorities continue probe | https://thesun.my/local-news/ngos-ready-to-assist-gisbh-victims-as-authorities-continue-probe-GB13037809#google_vignette | THE SUN |
| 25-Sep | Isu GISBH terus dapat perhatian, banyak NGO tampil hulur bantuan kepada mangsa | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1302599/isu-gisbh-terus-dapat-perhatian-banyak-ngo-tampil-hulur-bantuan | BERITA HARIAN |
| 25-Sep | Expert: Human integrity, not software, is the real solution to bid rigging | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1110077/expert-human-integrity-not-software-real-solution-bid-rigging | NEW STRAITS TIMES |
| 25-Sep | Corruption and bid rigging in Malaysia | https://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2024/09/24/corruption-and-bid-rigging-in-malaysia/ | FREE MALAYSIA TODAY |
| 25-Sep | Bid Rigging in Malaysia: Are you at risk? | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/opinion-bid-rigging-malaysia-are-you-risk-489138 | ASTRO AWANI |
| 25-Sep | Stricter penalties for bid-rigging will promote fair competition, strengthen economy | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1110141/stricter-penalties-bid-rigging-will-promote-fair-competition-strengthen | NEW STRAITS TIMES |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 25-Sep | Malaysia sertai 20 bidang kuasa guna piawaian keles-tarian antarabangsa | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2024/09/1137282/malaysia-sertai-20-bidang-kuasa-guna-piawaian- | HARIAN METRO |
| 25-Sep | NSRF bantu pelabur dalam agihan modal – Amir Ham-zah | https://malaysiaga-zette.com/2024/09/24/nsrf-bantu-pelabur-dalam-agihan-modal-amir- | MALAYSIA GAZETTE |
| 25-Sep | NSRF komitmen Malaysia sepadu kemampanan dalam teras pembangunan ekonomi | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/09/1302518/nsrf-komitmen-malaysia-sepadu-kemampanan-dalam-teras- | BERITA HARIAN |
| 25-Sep | SSM semak pendaftaran syarikat induk, anak syarikat GISBH – Armizan | https://www.tvsarawak.my/2024/09/24/ssm-semak-pendaftaran-syarikat-induk-anak-syarikat-gisbh-armizan/ | TV SARAWAK |
| 25-Sep | Pendaftaran syarikat GISB boleh dibatalkan – Menteri KPDN | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/pendaftaran-syarikat-gisb-boleh-dibatalkan-menteri- | UTUSAN MALAYSIA |
| 25-Sep | KPDN reviewing registration of GISBH and subsidiaries - Armizan | https://thesun.my/local-news/kpdn-reviewing-registration-of-gisbh-and-subsidiaries-armizan-PB13035965 | THE SUN |
| 25-Sep | Registration of GISBH, sub-sidiaries under review — minister | https://www.theedgemalaysia.com/node/727792 | THE EDGE MALAYSIA |
| 25-Sep | Pendaftaran syarikat GISB boleh dibatalkan – Menteri KPDN | https://www.kosmo.com.my/2024/09/24/pendaftaran-syarikat-gisb-boleh-dibatalkan- | KOSMO |
| 25-Sep | GISBH, subidsiaries' busi-ness registrations face can-cellation, says minister | https://www.dailyexpress.com.my/news/242553/gisbh-subidsiaries-business-registrations-face- | DAILY EXPRESS |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 25-Sep | SSM siasat GISB, pendaftaran syarikat boleh dibatal jika langgar peraturan | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ssm-siasat-gisb-pendaftaran-syarikat-boleh-dibatal-jika-langgar-peraturan-489090 | ASTRO AWANI |
| 25-Sep | Sultan Nazrin rasmikan bangunan SSM Perak | https://www.kosmo.com.my/2024/09/24/sultan-nazrin-rasmikan-bangunan-ssm-perak/ | KOSMO |
| 25-Sep | Majlis Perasmian Menara Suruhanjaya Syarikat Malaysia Perak | https://mgperak.com/majlis-perasmian-menara-suruhanjaya-syarikat-malaysia-perak/ | MALAYSIA GAZETTE PERAK |
| 25-Sep | Sultan Nazrin berkenan rasmi Menara SSM Perak | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sultan-nazrin-berkenan-rasmi-menara-ssm-perak-489108 | ASTRO AWANI |
| 25-Sep | KPDN P Pinang nafi bekalan minyak masak kurang | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1302394/kpdn-p-pinang-nafi-bekalan-minyak-masak-kurang | BERITA HARIAN |